

# Mural Penjara Pudu diroboh

Kosmo 18/06/2010 MS 11

Oleh LUQMAN HAKIM AB. RAHIM  
luqmanhakim.abraham@kosmo.com.my

**KUALA LUMPUR** – Sesiapa sahaja yang melalui Jalan Pudu pasti akan ternampak mural sepanjang tembok Penjara Pudu yang cukup menyegarkan mata ketika mengharungi kesesakan lalu lintas.

Namun, kesegaran itu kini bakal menjadi kenangan apabila tembok tersebut akan dirobuhkan bagi memberi laluan kepada kerja-kerja pembinaan projek persimpangan bertingkat Jalan Pudu-Jalan Imbi-Jalan Hang Tuah.

Tembok itu akan mula dirobuhkan pada waktu malam mulai 20 hingga 23 Jun ini untuk menyesuaikan kerja pembinaan laluan bawah tanah dalam fasa projek tersebut.

Ini merupakan sebahagian daripada rancangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk mengatasi masalah lalu lintas yang kritikal di bandar.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Ahmad Fuad Ismail

berkata, kerja penanaman cerucuk untuk laluan bawah tanah itu akan dimulakan sebaik saja tembok tersebut dirobuhkan dan ia akan dilaksanakan secara berperingkat.

Melihat kepada kesesakan pada persimpangan itu pada masa kini, ujarnya, projek tersebut dijangka dapat mengatasi masalah itu yang turut membabitkan kerja-kerja pelebaran Jalan Galiloway dan Jalan Pudu.

“Pihak kontraktor yang bertanggungjawab memberi janji projek ini akan disiapkan pada Disember 2012 dan kita mahu ia dipenuhi kerana ia merupakan keperluan yang mendesak.

“Kerja merobuhkan tembok itu adalah satu keperluan yang harus dibuat kerana membabitkan peleba-

## Info Mural Penjara Pudu

- Mural Penjara Pudu dilukis oleh beberapa banduan yang diketuai oleh Khong Chong Yen.
- Pernah diiktiraf oleh *Guinness Book of Records* sebagai rekod mural terpanjang di dunia.
- Mural sepanjang 384 meter dan tinggi 4.5 meter itu dilukis menggunakan 2,000 liter cat.
- Dilukis pada tahun 1983 dan memakan masa lebih setahun untuk disiapkan.

Sumber: Jabatan Penjara Malaysia



ran jalan dan pembinaan laluan bawah tanah,” katanya.



**TINGGAL KENANGAN.** Seorang pelajar sekolah melintas di hadapan mural tembok Penjara Pudu semalam yang akan dirobuhkan beberapa hari lagi.